

KOMUNIKASI IBU BAPA DALAM AL-QUR’AN

Farhana Ideris

Tel: +6019-2883180 E-mel: ifarhanaide@gmail.com

Nur Hadirah Harun

Tel: +6010-9315081 E-mel: nurhadirah1401@gmail.com

Nurul ‘Iffah Abd Wahab

Tel: +6016-9745727 E-mel: iffahwahab1301@gmail.com

Safinah Ismail

Tel: +6019-3591981 E-mel: safinah@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Komunikasi ialah suatu bentuk interaksi antara manusia dalam kehidupan sosial. Komunikasi ibu bapa terhadap anak-anak merupakan suatu elemen penting dalam membina hubungan kekeluargaan. Allah menyeru supaya ibu bapa berkomunikasi dengan baik terhadap anak-anak sebagaimana yang termaktub di dalam al-Qur'an. Al-Qur'an sebagai panduan hidup utama dalam kehidupan umat Islam menjelaskan komunikasi ibu bapa terhadap anak yang perlu dijadikan contoh oleh setiap ibu bapa. Ini perlu dilaksanakan oleh setiap ibu bapa bagi memastikan jiwa anak-anak dapat dididik dengan nilai dan akhlak Islam melalui komunikasi yang betul dan berlandaskan al-Qur'an di samping membentuk sebuah keluarga yang harmoni. Justeru, kajian ini dilakukan bagi mengkaji komunikasi ibu bapa terhadap anak yang dikemukakan oleh al-Qur'an. Metodologi kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan metode penyelidikan perpustakaan dengan menganalisis kandungan dalam beberapa kitab tafsir al-Qur'an. Hasil kajian ini mendapati komunikasi ibu bapa terhadap anak dalam al-Qur'an berlaku dalam pergaulan Nabi Yaakub terhadap anak-anaknya dan pergaulan Nabi Nuh AS terhadap anaknya. Komunikasi ibu bapa terhadap anak menerusi kisah para anbiya' ini boleh dijadikan tauladan dan panduan bagi setiap ibu bapa dalam mendidik anak-anak.

Kata kunci: Komunikasi, Ibu bapa, Al-Qur'an

Pengenalan

Komunikasi ibu bapa terhadap anak-anak merupakan suatu medium dalam membina hubungan kekeluargaan demi membentuk sebuah keluarga yang harmoni. Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam memastikan komunikasi yang efisyen diaplikasikan terhadap anak-anak. Melalui komunikasi yang berkesan, anak-anak dapat dilatih jiwa mereka dengan nilai-nilai murni agar akhlak yang baik dapat disemai dalam diri mereka.

Allah SWT juga menyeru agar ibu bapa berkomunikasi dengan baik terhadap anak-anak sebagaimana yang termaktub dalam al-Qur'an. Kisah-kisah komunikasi ibu bapa terhadap anak-anak ini dinyatakan dalam al-Qur'an seperti yang terdapat dalam Surah *al-Baqarah*, Surah *Hud*, Surah *Maryam*, dan Surah *Luqman*. Dalam Surah *al-Baqarah* ayat 132 sehingga ayat 133 diceritakan tentang kisah komunikasi Nabi *Ibrahim* dan Nabi Yaakub dengan anak-anak mereka manakala dalam Surah *Hud* ayat 42 sehingga ayat 43 menceritakan tentang komunikasi Nabi *Nuh AS* terhadap anaknya. Komunikasi Luqman terhadap anaknya diceritakan dalam Surah *Luqman* ayat 13 sehingga ayat 19. Oleh itu, komunikasi ibu bapa terhadap anak yang dinyatakan dalam al-Qur'an ini boleh dijadikan pedoman dan panduan serta teladan dalam kehidupan berkeluarga.

Definisi

2.1.0 Definisi Komunikasi

Istilah komunikasi diambil daripada bahasa Latin “komunis” yang bermaksud “biasa”. Maka, “untuk berkomunikasi” bermaksud “untuk membuat persamaan” atau “untuk diketahui”, “untuk berkongsi” dan termasuk lisan, interaksi manusia tanpa lisan dan elektronik. Ia adalah pertukaran maklumat yang bermakna antara dua atau sekumpulan orang (Safinah, 2018). Komunikasi adalah seni untuk menyampaikan idea, informasi dan sikap-sikap daripada seseorang kepada orang lain. Komunikasi juga dijelaskan sebagai pengaliran maklumat atau idea daripada individu untuk disampaikan kepada penerima atau orang lain (Jumali, Khaidzir, Shaharudin, & Mohd, 2014).

1. Definisi Ibu

Dalam kamus besar bahasa Indonesia “ibu” memiliki maksud yang banyak. Antaranya adalah wanita yang telah melahirkan seseorang anak, sebutan untuk wanita yang sudah bersuami dan panggilan biasa kepada wanita baik yang sudah bersuami maupun belum (Nurul, 2016):

2.1.2 Definisi Bapa

Bapa bermaksud seorang ayah kepada anak. Peranan dan tanggungjawab seorang bapa amat penting dan dititikberatkan dalam agama Islam kerana pentingnya komunikasi bapa terhadap anak-anak dalam mengajar, membentuk dan mendidik anak-anak. Ayah merupakan seorang pemimpin dalam keluarga dan dia bertanggungjawab memelihara keluarganya, terutamanya anak-anaknya daripada kelalaian dunia dan kemusnahan hidup. Bapa juga sering dikaitkan dengan ketegasan, tanggungjawab kepimpinan dan saraan hidup serta perlaksanaan disiplin dalam kalangan anak-anak (Safinah, 2018).

2.1.3 Definisi al-Qur'an

Dari segi bahasa, perkataan Qur'an berasal daripada bahasa Arab iaitu bentuk *jama'* dari *isim masdar*, *qara'a* yang mempunyai pelbagai maksud dan makna seperti bacaan atau sesuatu yang dibaca berulang-ulang dan sebagainya. Seperti yang digunakan dalam al-Qur'an itu sendiri, perkataan *qara'a* merujuk kepada wahyu daripada Allah dalam erti kata luas dan tidak terhad kepada bentuk bertulis seperti bentuk buku yang ada di hadapan kita pada hari ini (Ahmad, 1994).

Dari segi istilah, al-Qur'an merupakan kalam Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW sebagai mukjizat dan disampaikan dengan mutawatir daripada Allah SWT atas perantaraan malaikat Jibril.

Al Qur'an juga boleh didefinisikan sebagai

i. Kalimah Allah yang diturunkan kepada nabi terakhir iaitu Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan malaikat Jibril dalam makna dan kata-kata yang tepat, disampaikan kepada manusia secara *mutawatir* dalam lisan dan bertulis.

ii. Merupakan mukjizat dan sesuatu yang unik, dilindungi oleh Allah daripada campur tangan manusia (Ahmad, 1994).

2.2 Komunikasi Menurut Perspektif Islam

Komunikasi menurut Islam merupakan satu bentuk interaksi antara manusia dalam kehidupan sosial berdasarkan kepada dua sumber iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah. Ini kerana proses komunikasi merupakan bahagian yang penting dalam muamalat, iaitu hubungan manusia sesama manusia yang lebih luas. Islam menghendaki nilai-nilai *syar'i* ini dapat mewarnai dalam proses komunikasi sehingga melahirkan suatu kedudukan di mana komunikasi melahirkan suasana kedamaian bukannya permusuhan. Ianya bersesuaian dan bertetapan dengan ajaran Islam yang menganjurkan keharmonian dan kedamaian di atas muka bumi. Oleh itu, Islam menganggap komunikasi sebagai satu wasilah yang penting yang menganjurkan perdamaian dalam kalangan umatnya sepanjang zaman.

Kepentingan komunikasi daripada perspektif Islam boleh dilihat dari sudut menyebarkan dakwah, menjaga hubungan sesama manusia dan hubungan dengan Allah SWT, melaksanakan tuntutan-tuntutan syariah dan menegakkan prinsip *amar makruf nahi munkar* serta melaksanakan apa sahaja perintah Allah SWT dan menjauhi diri dari larangan-Nya.

Sejarah Islam telah menunjukkan bagaimana kejayaan dakwah Rasulullah SAW yang telah berkomunikasi dengan cemerlang dan hasilnya seluruh Semenanjung Tanah Arab telah dapat diislamkan dengan jayanya. Melihat kepada latar belakang sikap, perangai, budaya dan cara hidup bangsa Arab itu sendiri yang dianggap kasar, bengis serta biadap adalah sukar bagi seseorang yang ingin berdakwah dan mengajak mereka melakukan perubahan sikap dan perangai mereka itu. Namun dengan kesabaran dan ketabahan yang tinggi yang ada pada diri Rasulullah SAW dan cara berkomunikasi yang peNuh AS dengan hikmah, maka cabaran dan halangan yang begitu hebat dan mencabar dapat di atasi. Malah, perkembangan dakwah baginda SAW sendiri dianggap sebagai suatu revolusi komunikasi pada zaman itu yang melampaui batasan geografi, bahasa dan bangsa. Malah, utusan-utusan dakwah Nabi SAW telah berjaya menyampaikan mesej Islam kepada pemerintah Rom, Parsi, Mesir dan sebagainya (Helmi & Ilhaamie, 2017).

2.3 Etika Komunikasi Ibu Bapa Menurut Al-Qur'an

Secara amnya, terdapat beberapa etika komunikasi menurut al-Qur'an. Antara etika komunikasi yang dapat digunakan oleh ibu bapa terhadap anak-anak ialah melalui *qawlan sadidan* (Muhammad, t.th) sebagaimana yang disebut dalam Surah *al-Ahzab* ayat 70,

يَأَيُّهَا أُمَّةِنَّ ءَامْنُوا أَتَقْوُا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا

Maksudnya:

"Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah, dan katakanlah perkataan yang tepat-benar (dalam segala perkara)."

Berdasarkan ayat ini, Allah memerintahkan untuk bercakap dengan ucapan yang benar dan tepat. Firman Allah, "Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah..." bermaksud Allah menyuruh supaya menghindarkan diri daripada seksaan Allah melalui cara melaksanakan perintah Allah serta menjauhi larangan-Nya. "Dan katakanlah perkataan yang tepat-benar," pula terkait dengan kisah Nabi Muhammad SAW dan Zainab binti Jahsy, bahkan dalam setiap ucapan mestilah diungkapkan dengan perkataan yang tepat (Muhammad, t.th).

Menurut *Thahir ibn 'Asyur*, kata *qawlan sadidan* ialah pintu yang sangat luas sama ada berkaitan kebijakan ataupun keburukan (Muhammad, t.th). Terdapat banyak hadith yang menekankan kepentingan menjaga lidah, antaranya dalam sebuah hadith yang diceritakan oleh Muaz bin Jabal (Ibnu Majah, t.th) ketika bersama dengan Rasulullah SAW dalam suatu perjalanan. Dalam perjalanan tersebut, beliau telah bertanya kepada baginda Nabi Muhammad SAW agar baginda memberitahu kepada beliau amalan yang dapat memasukkan beliau ke dalam syurga dan menjauhkan beliau daripada api neraka. Ketika itu, baginda Nabi Muhammad SAW telah mengatakan bahawa Saidina Muaz telah bertanyakan soalan yang baik. Baginda telah menjawab soalan Saidina Muaz dengan beberapa jawapan. Dipendekkan cerita, baginda Nabi Muhammad SAW telah memegang lidahnya dan bersabda,

تَكْفِيكَ عَلَيْكَ هَذَا

Maksudnya:

"Kamu harus menahan ini daripada diri kamu."

Kemudian, Saidina Muaz telah bertanya kepada Rasulullah SAW,
يَا نَبِيَّ اللَّهِ وَإِنَا لَمُؤْخَذُونَ بِمَا نَنْتَكِلُ مَعَكَ

Maksudnya:

"Wahai Nabi Allah, apakah kami akan dipertanggungjawabkan atas apa yang kami katakan?"

Rasulullah SAW bersabda,

ثَكْلَتُكُمْ يَا مَعَاذْ وَهَلْ يَكْبُ النَّاسُ عَلَى وُجُوهِهِمْ فِي النَّارِ إِلَّا حَصَائِدُ أَسْتَهِمْ

Maksudnya:

“Sungguh benar wahai Muaz, tidaklah wajah-wajah manusia dijatuhkan ke dalam api neraka melainkan akibat perbuatan lidah-lidah mereka.”

(Hadith Riwayat Ibnu Majah)

Jelaslah berdasarkan hadith ini bahawa kepentingan menjaga tutur kata itu bukan sahaja dinyatakan di dalam al-Qur'an malah turut disebutkan dalam hadith baginda Nabi Muhammad SAW. Malahan, dalam sebuah hadith lain, daripada Abu Hurairah RA, katanya, Rasulullah SAW bersabda (Al-Bukhari, 2011),

من كان يؤمن بالله واليوم الآخر فلا يؤذ جاره ومن كان يؤمن بالله واليوم الآخر فليكرم ضيفه ومن كان
يؤمن بالله واليوم الآخر فليقل خيرا أو ليصمت

Maksudnya:

“Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat, janganlah ia mengganggu tetangganya, barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat, hendaklah dia memuliakan tetamunya, dan barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat hendaklah ia berkata baik atau diam.”

(Hadith Riwayat Bukhari)

Berdasarkan surah *al-Ahzab* ayat 70 yang disebutkan di atas, “perkataan yang tepat” ini turut merangkumi hadith para nabi, ucapan para ulama dan para *hukama'* (Muhammad, t.th). Oleh itu, etika komunikasi melalui kaedah ini turut disarankan untuk ibu bapa dalam berkomunikasi dengan anak-anak. Hal ini demikian kerana setiap manusia dituntut untuk berkata benar dan tepat dalam setiap perkara.

Etika komunikasi ibu bapa terhadap anak turut dapat diambil berdasarkan ibrah daripada kisah Luqman al-Hakim yang dinyatakan di dalam Surah *Luqman*. Dalam Surah *Luqman* ini dinyatakan kisah bagaimana Luqman memberi nasihat berbentuk *maw'izah hasanah* kepada anak-anaknya dalam potongan ayat bermula daripada ayat 13 sehingga ayat 19 dalam surah ini (Safinah, 2018).

Beberapa pengajaran dapat diteladani daripada kisah Luqman yang berperanan sebagai bapa dalam berkomunikasi dengan anak-anaknya. Antaranya ialah Luqman telah mendidik anak-anaknya dengan peNuh AS kasih sayang sebagaimana yang disebut dalam al-Qur'an melalui panggilannya terhadap anak-anaknya. Beliau memanggil anak-anaknya dengan menggunakan kalimah “*Ya bunayya*”, iaitu panggilan yang menunjukkan kasih sayang dan kemesraan. Selain itu, Luqman turut mendidik dan menasihati anaknya secara berterusan tanpa sebarang keluhan dan rungutan. Ini dapat difahami daripada bentuk kata kerja masa kini dan akan datang pada kalimah yang disebutkan dalam Surah *Luqman* ini. Jelas ditunjukkan di sini bahawa Luqman tidak pernah bosan dan sentiasa mendidik anak-anaknya. seterusnya, Luqman sentiasa mengiringi setiap nasihat dan pesanan yang diberikan terhadap anak-anaknya dengan hujah. Contohnya, “Bersyukurlah kepada Allah, siapa yang bersyukur, sesungguhnya dia bersyukur kepada dirinya sendiri”, “Jangan menyukutukan Allah, ia adalah kezaliman yang besar”, “Berbuat baiklah dan bersyukur kepada

orang tua, ibu telah mengandung dan menyusuinya.”, dan sebagainya. Setiap pesanan dan nasihat yang diberi diiringi dengan hujah (Rahmi, 2015).

Etika komunikasi Luqman terhadap anak-anaknya dalam mendidik anak-anaknya ini wajar dijadikan contoh oleh ibu bapa dalam berkomunikasi terhadap anak-anak. Apatah lagi kisah ini telah dinyatakan dalam al-Qur'an yang merupakan panduan utama dalam kehidupan muslim. Justeru, etika komunikasi yang dinyatakan dalam al-Qur'an seperti *qawlan sadidan* dan etika komunikasi berdasarkan kisah Luqman ini wajar dicontohi dan diteladani.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian yang berbentuk kualitatif yang menggunakan metode penyelidikan perpustakaan dengan menganalisis kandungan dalam beberapa kitab tafsir al-Qur'an. Metodologi penyelidikan perpustakaan yang dijalankan melibatkan proses pengumpulan data daripada pelbagai sumber termasuklah kitab-kitab tafsir, jurnal dan prosiding. Melalui metode ini, pengkaji akan mengupas mengenai definisi, teori dan rujukan yang berkaitan dengan komunikasi ibu bapa dalam al-Qur'an.

Kisah Komunikasi Ibu Bapa Dalam Al-Qur'an

4.1.1 Nabi Yaakub AS kepada Anak-Anaknya

Komunikasi Nabi Yaakub AS kepada Anak-Anaknya dapat dilihat daripada surah Yusuf. Firman Allah SWT yang bermaksud :

“Dan dia (Yaakub) berkata, “Wahai anak-anakku! Janganlah kamu masuk dari satu pintu gerbang, dan masuklah dari pintu-pintu gerbang yang berbeza; namun demikian aku tidak dapat mempertahankan kamu sedikit pun dari (takdir) Allah. Keputusan itu hanyalah bagi Allah. Kepada-Nya aku bertawakal dan kepada-Nya pula bertawakal orang-orang yang bertawakal.” (Surah Yusuf, ayat 67)

Allah SWT berfirman ketika menghabarkan tentang Yaakub: Sesungguhnya dia menyuruh anak-anaknya saat bersiap-siap bersama saudara mereka (Bunyamin) ke Mesir agar tidak masuk dari satu pintu tetapi melalui pintu-pintu gerbang yang berlainan supaya tidak menarik perhatian para prajurit penjaga pintu dan para mata-mata raja lalu mereka dicurigai kerana masuknya satu rombongan, tidak sama dengan satu orang dan menjadi *jumhur* kepada para *mufassir* bahawa Yaakub berwasiat kepada anak-anaknya agar tidak bersama-sama masuk melalui satu pintu kerana takut terkena *'ain* (mata). Hal ini disebabkan kerana mereka berbadan indah, tampan mendatangkan simpatik dan menarik dan timbul kebingungan terkena *'ain* (mata) orang-orang yang melihatnya. Sesungguhnya mata itu dapat menjatuhkan penunggang kuda dari tunggangannya (Abdul, 2010).

Nabi Yaakub AS berkomunikasi dengan anak-anaknya apabila mereka meminta membawa Yusuf bersama mereka mengembala di padang pasir. Allah SWT mengisahkan dalam firman alaah SWT:

“Dia (Yaakub) berkata, “Sesungguhnya kepergian kamu bersama dia (Yusuf) sangat menyedihkan dan aku khuatir dia dimakan serigala, sedang kamu lengah darinya.” Sesungguhnya mereka berkata, “Jika dia dimakan serigala, padahal kami kelompok (yang kuat), kalau demikian tentu kami orang-orang yang rugi.” (Surah Yusuf, ayat 13 dan 14)

Nabi Yaakub berat berpisah dengan Yusuf bersama anak-anaknya yang lain untuk membawa Yusuf keluar mengembala di padang pasir. Hal ini disebabkan kecintaannya kepada Yusuf kerana pada dirinya kelihatan kebaikan yang besar, tanda-tanda kenabian dan kesempurnaan dalam penciptaan dan akhlak, “dan aku khuatir serigala menerkamnya di saat kalian lalai dalam mengawasinya”, Yakni Yaakub berkata “Aku bimbang kalian sibuk sendiri dengan berburu dan mengembala lalu datang serigala menerkamnya sedang kalian tidak merasa”. Mereka menjawab, “Jika dia dimakan serigala, padahal kami kelompok (yang kuat), kalau demikian tentu kami orang-orang yang rugi.” Yakni, jika sampai ada serigala mengganggunya apa lagi menerkamnya di depan kami, sedang kami adalah satu jemaah, jika demikian tentulah akan binasa dan lemah (Abdul, 2010).

4.1.2 Nabi Nuh AS dengan Anaknya

Allah berfirman,

“Dan kapal itu berlayar membawa mereka ke dalam gelombang laksana gunung-gunung. Dan *Nuh AS* memanggil anaknya, ketika dia (anak itu) berada di tempat jauh dan terpencil, “Wahai anakku! Naiklah (ke kapal) bersama kami dan janganlah engkau bersama orang-orang kafir.” Dia (anaknya) menjawab, “Aku akan mencari perlindungan ke gunung yang dapat menghindarkan aku dari air bah!” (*Nuh AS*) berkata, “Tidak ada yang melindungi dari seksaan Allah pada hari ini selain Allah yang Maha Penyayang.” Dan gelombang menjadi penghalang antara keduanya; maka dia (anak itu) termasuk orang yang ditenggelamkan.” (Surah Hud, ayat 42 dan 43)

Nabi *Nuh AS* memanggil anaknya yang berada di luar perahu dan *Nuh AS* belum tahu kalau anaknya itu kafir kerana baginda mengira dia itu mukmin, disebabkan itu dalam seruannya *Nuh AS* berkata “Janganlah engkau bergabung bersama orang-orang kafir”. Anaknya menjawab, “Aku akan berlindung ke gunung yang akan menyelamatkanku dari air lalu aku tidak tenggelam.” *Nuh AS* berkata, “Tidak ada penghalang dari tenggelam pada hari ini, hanya hamba yang dirahmati oleh Allah, merekalah yang akan selamat.” Lalu datanglah ombak menghadang (memisahkan) antara *Nuh AS* dengan puteranya lalu dia termasuk dalam kalangan orang-orang yang tenggelam (Abdul, 2010).

4.2 TINJAUAN TAFSIR KOMUNIKASI IBU BAPA DALAM AL-QUR’AN

4.2.1 Komunikasi Nabi Ibrahim dan Nabi Yaakub AS dengan Anak-anaknya dalam Surah al-Baqarah 132-133

Firman Allah:

وَوَصَّىٰ هُنَّا إِبْرَاهِيمُ بْنَيْهِ وَيَعْقُوبُ يَبْنَيْ إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَى لِكُلِّ الِّدِينِ فَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُم مُسْلِمُونَ

Maksudnya:

“Dan Ibrahim telah mewasiatkan ucapan itu kepada anak-anaknya, demikian pula Yaakub. (Ibrahim berkata), ‘hai anak-anakku! Sesungguhnya Allah telah memilih agama ini bagimu, maka janganlah kamu mati kecuali dalam memeluk agama Islam’.”

وَوَصَّىٰ بِهَا إِبْرَاهِيمَ “Dan Ibrahim telah mewasiatkan ucapan itu”. Iaitu, agama. Maknanya adalah: Yaakub berwasiat dan berkata, “Wahai anak-anakku, sesungguhnya Allah telah memilih agama ini untukmu.” Oleh itu, Ibrahim memberikan wasiat kepada anak-anaknya, dan Yaakub pun memberikan wasiat kepada anak-anaknya setelahnya (Al-Qurtubi, 2001).

Al-Qusyairi berkata, “Firman Allah itu dibaca dengan *di'atafkan* kepada lafaz *بَنِيهِ*. Namun *qira'at* ini jauh daripada kebenaran. Sebab Yaakub tidak termasuk anak-anak Ibrahim saat dia menyampaikan wasiat kepada anak-anaknya. Selain itu, tidak ada riwayat yang menyebutkan bahawa Nabi Yaakub pernah bertemu dengan datuknya, iaitu Nabi Ibrahim kerana dia dilahirkan setelah Nabi Ibrahim meninggal dunia. Walaupun begitu, Yaakub juga memberikan wasiat sebagaimana yang dilakukan oleh Ibrahim” (Al-Qurthubi (Terjemahan), 2008).

مَكْنَةُ الْأَنْوَافِ مَعْنَى الْمُؤْمِنِيَّةِ Makna dari lafaz tersebut ialah (أَنْ يَا بْنَيَّ إِنَّ اللَّهَ سَعَىٰ) “Sesungguhnya Allah.” (Al-Qurtubi, 2001) (فَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ) “Agama ini bagimu,” iaitu Islam. (أَمْ كُنْتُمْ شُهَدَاءَ إِذْ حَضَرَ يَعْقُوبَ الْمَوْتَ إِذْ قَالَ لِبْنَيْهِ مَا تَعْبُدُونَ مِنْ بَعْدِي قَالُوا نَعْبُدُ إِلَهَكَ وَإِلَهَ أَبَائِكُمْ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ إِلَهًا وَحِدًّا وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ) “Maka janganlah kamu mati kecuali dalam memeluk agama Islam.” Maknanya adalah: Tetaplah dalam Islam dan konsistenlah terhadapnya, serta janganlah kalian meninggalkannya, sehingga kalian meninggal dunia (Al-Qurthubi (Terjemahan), 2008).

أَمْ كُنْتُمْ شُهَدَاءَ إِذْ حَضَرَ يَعْقُوبَ الْمَوْتَ إِذْ قَالَ لِبْنَيْهِ مَا تَعْبُدُونَ مِنْ بَعْدِي قَالُوا نَعْبُدُ إِلَهَكَ وَإِلَهَ أَبَائِكُمْ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ إِلَهًا وَحِدًّا وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ

Maksudnya:

“Adakah kamu hadir ketika Yaakub kematangan (tanda-tanda) maut, ketika ia berkata kepada anak-anaknya, ‘Apa yang kamu sembah sepeningggalku.’ Mereka menjawab, ‘Kami akan menyembah Tuhan-mu dan Tuhan nenek moyangmu, Ibrahim, Isma'il dan Ishaq, (iaitu) Rabb Yang Maha Esa dan kami hanya tunduk kepada-Nya’.”

Firman Allah SWT “أَمْ كُنْتُمْ شُهَدَاءَ” “Adakah kamu hadir.” Khithab dalam ayat ini ditujukan kepada orang-orang Yahudi dan Nasrani yang menisbatkan kepada Ibrahim sesuatu yang tidak dia wasiatkan kepada putera-puteranya. Padahal mereka menganut agama Yahudi dan Nasrani. Allah kemudian membalikkan perkataan dan dusta mereka itu kepada diri mereka sendiri. Allah berfirman kepada mereka dengan nada mencela, “ Apakah kalian mendatangi Yaakub dan mengetahui apa yang dia wisiatkan (kepada putera-puteranya), sehingga kalian mengaku bahawa kalian tahu.” Maksudnya, kalian tidak hadir tetapi kalian mengada-adakannya (Al-Qurtubi, 2001).

Hadīth ketika Yaakub kematangan (tanda-tanda) maut,” adalah mukadimah dan awal kematian (Al-Qurtubi, 2001). Sebab jika demikian, maka ketika kematian datang tidak mungkin dia akan mengatakan sesuatu (Al-Qurthubi (Terjemahan), 2008). من بعدي

‘sepeninggalanku,’ adalah setelah kematianku (Al-Qurtubi, 2001). Diceritakan bahwa ketika Yaakub diperintahkan untuk memilih sebagaimana para nabi diperintahkan untuk memilih, maka dia pun memilih kematian. Dia berkata, “Berikanlah penangguhan kepadaku hingga aku dapat menyampaikan wasiat kepada anak-anak dan keluargaku.” Setelah itu dia mengumpulkan meraka, dan mengatakan wasiat itu kepada mereka. Maka mereka pun mendapatkan petunjuk dan menjawab: “**قُلُّوا نَعْبُدُ إِلَهَكُ وَإِلَهُ أَبَائِكُ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ**” Kami akan menyembah Tuhanmu dan Tuhan nenek moyangmu, Ibrahim, Isma’il, dan Ishaq.” “**وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ**” Dan kami hanya tunduk kepada-Nya.” (Al-Qurthubi (Terjemahan), 2008).

“**قُلُّوا نَعْبُدُ إِلَهَكُ وَإِلَهُ أَبَائِكُ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ**” Kami akan menyembah Tuhanmu dan Tuhan nenek moyangmu, Ibrahim, Isma’il, dan Ishaq.” “**وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ**” Dan kami hanya tunduk kepada-Nya.” (Al-Qurthubi (Terjemahan), 2008).

4.2.2 Komunikasi Nabi Nuh AS dan anaknya berdasarkan Surah Hud ayat 42 sehingga 43

وَهِيَ تَجْرِي بِهِمْ فِي مَوْجٍ كَالْجِبَالِ وَنَادَى نُوحُ أَبْنَهُ وَكَانَ فِي مَعْزِلٍ يَعْبَثُ أَرْكَبَ مَعْنَى وَلَا تُكْنِ مَعَ الْكَفَرِينَ ○
قَالَ سَئَاوِي إِلَى جَبَلٍ يَعْصِمُنِي مِنْ الْمَاءِ قَالَ لَا عَاصِمٌ الْيَوْمَ مِنْ أَمْرِ اللَّهِ إِلَّا مَنْ رَحِمَ وَحَالَ بَيْنَهُمَا
الْمَوْجُ فَكَانَ مِنَ الْمُغْرِقِينَ ○

Maksudnya:

(Mereka semua naik) dan bahtera itupun bergerak laju membawa mereka dalam ombak yang seperti gunung-ganang, dan (sebelum itu) Nabi Nuh AS memanggil anaknya, yang sedang berada di tempat yang terpisah daripadanya: “Wahai anakku, naiklah bersama-sama kami, dan janganlah engkau tinggal dengan orang-orang yang kafir.”

Anaknya menjawab: “Aku akan pergi berlindung ke sebuah gunung yang dapat menyelamatkan aku daripada ditenggelamkan oleh air.” Nabi Nuh AS berkata: “Hari ini tidak ada sesuatupun yang akan melindungi dari azab Allah, kecuali orang yang dikasihani olehNya.” Dan dengan serta-merta ombak itu pun memisahkan antara keduanya, lalu menjadilah ia (anak yang derhaka itu) dari orang-orang yang ditenggelamkan oleh taufan.”

“**وَهِيَ تَجْرِي بِهِمْ فِي مَوْجٍ كَالْجِبَالِ**” Dan bahtera itu berlayar membawa mereka dalam gelombang laksana gunung.” Diceritakan bahawa kapal Nabi Nuh AS membawa mereka berlayar di tengah ombak yang besar dan tingginya bagaikan gunung dengan izin dan perhatian Allah serta kelembutan-Nya (Muhammad ‘Aliy al-Sabuni, 1997).

“**وَنَادَى نُوحُ أَبْنَهُ وَكَانَ فِي مَعْزِلٍ**” Dan Nuh AS memanggil anaknya, sedang anak itu berada di tempat yang jauh terpencil.” Nuh AS memanggil anaknya *Kan’an* sebelum kapal berlayar dan *Kan’an* berada di sebahagian sisi kapal dan tidak mahu naik bersama orang-orang mukmin (Muhammad ‘Aliy al-Sabuni, 1997): “Hai anakku, naiklah (ke kapal) bersama kami,” naiklah bersama kami dan jangan binasakan dirimu kerana ditenggelamkan air. “Dan janganlah kamu berada bersama orang-orang yang kafir,” sehingga kamu tenggelam seperti mereka tenggelam (Muhammad Ali Ash-Shabuni (Terjemahan), 2011).

“Anaknya menjawab: Aku akan mencari perlindungan ke gunung yang dapat memeliharaiku dari air bah,” aku akan naik ke puncak gunung sehingga aku tidak tenggelam. *Kan'an* mengira bahawa air tidak sampai ke puncak gunung. “*Nuh AS* berkata: Tidak ada yang melindungi hari ini dari azab Allah selain Allah (sahaja) yang Maha Penyayang,” kepada *Kan'an*. *Nuh AS* berkata: Tidak ada yang terlindung dari seksa Allah pada hari ini dan tidak ada yang selamat dari hukuman-Nya, kecuali orang yang dirahmati Allah. “Dan gelombang menjadi penghalang antara keduanya; maka jadilah anak itu termasuk orang-orang yang ditenggelamkan” *Nuh AS* dan anaknya terhalang oleh ombak lautan sehingga anaknya tenggelam (Muhammad Ali Ash-Shabuni (Terjemahan), 2011).

“Dan difirmankan: Hai bumi, telanlah airmu,” masukkanlah air yang ada di atas permukaan bumi. “Dan hai langit (hujan) berhentilah,” hai langit, hentikanlah hujanmu, “dan air pun disurutkan,” air kemudian meresap ke dalam tanah. “Perintah pun diselesaikan,” sempurnalah perintah Allah untuk menenggelamkan orang yang tenggelam dan menyelamatkan orang yang selamat. “Dan bahtera itu pun berlabuh di atas bukit Judi yang terletak di Mosul, Iraq. “Dan dikatakan, binasalah orang-orang yang zalim,” dan merugilah orang yang kafir kepada Allah (Muhammad Ali Ash-Shabuni (Terjemahan), 2011).

Kesimpulan

Al-Qur'an sebagai sumber rujukan utama bagi setiap yang bergelar muslim. Al-Qur'an juga adalah media komunikasi bagi Allah SWT kepada manusia malah Al-Qur'an telah menjawab segala pertanyaan manusia, memberi informasi tentang segala sesuatu yang menjadi pengetahuan dan maklumat manusia. Daripada pelbagai kisah yang disebut di dalam al-Qur'an, terdapat kisah para nabi yang boleh dijadikan sebagai teladan dan pedoman untuk umat manusia seperti kisah komunikasi ibu bapa terhadap anak. Melalui inilah, iktibar dan etika komunikasi antara ibu bapa dan anak-anak yang diajarkan oleh al-Qur'an dapat diambil. Dalam al-Qur'an, banyak komunikasi yang boleh menjadi panduan dalam hidup terutamanya bagi ibu bapa dalam mendidik anak-anak.

Oleh yang demikian, komunikasi ibu bapa terhadap anak amat penting dan perlu dititikberatkan kerana dengan adanya komunikasi yang baik dapat menjadikan seseorang anak itu baik dari segi tutur kata dan akhlak mereka. Dengan ini, anak-anak yang dibentuk akan bijak berkomunikasi dengan orang sekeliling secara tidak langsung membentuk sahsiah anak tersebut. Maka anak-anak ini akan mudah disenangi, mempunyai keyakinan yang tinggi dan mudah untuk bergaul dengan masyarakat. Secara kesimpulannya, apabila al-Qur'an itu dijadikan sebagai panduan utama dalam mendidik dan berkomunikasi terhadap anak-anak, ini dapat memantapkan lagi cara ibu bapa berkomunikasi dengan lebih berkesan.

Rujukan

- Abdul, K. Z. (2010). *Hikmah Kisah-Kisah dalam al-Qur'an dari Nabi Adam-Nabi Isa alaihimussalam beserta kaumnya*. Jakarta Timur: Darus Sunnah Press.
- Ahmad, V. D. (1994). *Ulum al-Qur'an: An Introduction to the sciences of the Qur'an*. United Kingdom: The Islamic Foundation.
- Al-Bukhari. (2011). *Al-Jami' al-Sahih* (Jld. 12). Beirut, Lubnan: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.

Al-Qur'an.

Al-Qurtubi. (2001). Mukhtasir Tafsir al-Qurtubi. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Qurthubi (Terjemahan). (2008). Tafsir Al-Qurthubi. Jakarta: Pustaka Azzam.

Al-Tabari. (1992). Tafsir al-Tabari al-Musamma Jami' al-Bayan Fi Ta'wil al-Quran. Beirut: Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah.

Ath-Thabari (Terjemahan). (2008). Tafsir Ath-Thabari. Jakarta: Pustaka Azzam.

Helmi, A., & Ilhaamie, A. G. A. (2017). Komunikasi Kepimpinan Berkesan. *Jurnal Syariah*, 25(3), 531–562.

Ibnu Majah. (t.th). Sunan Ibnu Majah. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashir wa al-Tawzi'.

Jalal al-Din al-Mahalli & Jalal al-Din al-Suyuti. (1997). Tafsir al-Jalalayn. Beirut: Dar al-Kitab al-Lubnani.

Jalaluddin al-Mahalli & Jalaluddin as-Suyuti (Terjemahan). (2006). Tafsir Jalalain (Jld. 2). Bandung: Penerbit Sinar Baru Algensindo.

Jumali, S., Khaidzir, I., Shaharudin, A., & Mohd, H. A. R. (2014). Pengucapan Awam Strategi dan Kemahiran. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Muhammad, K. (t.th). Etika Komunikasi dalam Al-Qur'an. 1–14.

Muhammad 'Aliy al-Sabuni. (1997). Safwah al-Tafasir. Mekah al-Mukarramah: Dar al-Fikr.

Muhammad Ali Ash-Shabuni (Terjemahan). (2011). Shafwatut Tafasir (Jld. 2). Jakarta, Indonesia: Pustaka Al-Kautsar.

Nurul, H. (2016). Komunikasi Antara Bapak/Ibu dengan Anak dalam Perspektif Pendidikan Islam (Tinjauan Tematik Ayat-ayat al-Qur'an) Bab II. Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya.

Rahmi. (2015). Tokoh Ayah dalam Al-Qur'an dan Keterlibatannya dalam Pembinaan Anak. *Jurnal Ilmiah Kajian Gender*, 5(2), 202–218.

Safinah, I. (2018). Elemen Komunikasi Bapa dalam Surah Luqman. IRSYAD 2018 E-Proceeding, 331–343.